

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini menggunakan kaedah survey bertujuan untuk mengenalpasti tahap tekanan kerja dan punca tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah di Kota Bharu. Bab ini akan menerangkan sampel kajian, alat kajian, prosedur kajian dan analisis data.

3.2 Sampel kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru yang mengajar di 15 buah sekolah menengah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Senarai sekolah-sekolah diperolehi daripada pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu. Sekolah-sekolah ini dipilih secara rambang daripada 35 buah sekolah menengah di daerah Kota Bharu. Seramai 150 orang guru terlibat dalam kajian ini. Seramai 10 orang guru dipilih secara rambang untuk mewakili setiap sekolah yang telah dipilih.

3.3 Instrumen kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terlibat. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan bahagian C dan bahagian D.

Bahagian A mengandungi maklumat tentang biodata responden yang menghendaki mereka menyatakan jantina, pengalaman mengajar, dan tingkatan yang diajar sama ada menengah rendah atau menengah atas. Menengah rendah adalah pelajar yang berada di tingkatan 1-3 manakala menengah atas ialah pelajar yang berada di tingkatan 4-6.

Bahagian B merupakan instrumen mengenai tekanan kerja guru. Instrumen ini dikenali sebagai Inventori Tekanan Kerjaya untuk Guru. Inventori ini adalah terjemahan daripada Occupational Stress Inventory For Teacher (OSIT) yang direka oleh Okebukola dan Jegede (1989).

Inventori ini mempunyai 31 item yang berkaitan dengan keadaan dan situasi yang boleh membawa tekanan dalam kerjaya guru. Item ini menyentuh beberapa aspek pelajar, keadaan mengajar, persekitaran dan pentadbiran sekolah. Responden dikehendaki menandakan tahap tekanan yang diwakili oleh setiap item dengan

menggunakan skala likert (1 = tiada tekanan; 2 = sedikit tekanan; 3 = sederhana tertekan; 4 = sangat tertekan dan 5 = amat tertekan).

Kesahan dan keboleh percayaan soal selidik tentang tekanan guru (OSIT) ini telah diuji oleh Okebukola dan Jegede (1989). Mereka mendapati koeffisen keboleh percayaan skala OSIT ialah 0.86.

(4) Inventori ini kamudiannya dipetik dan diubah suai oleh Suseela Malakolunthu (1994), ke dalam Bahasa Melayu. Daripada 31 item ini salah satu daripada item tersebut telah digugurkan iaitu item ke 30 ‘kerap berlaku gangguan bekalan elektrik di sekolah’. Ia digugurkan kerana ia bukan masalah yang kerap berlaku di Malaysia. Hanya 30 item sahaja yang digunakan.

Untuk memastikan soal selidik ini mempunyai ciri keboleh percayaan Suseela telah membuat ujian rintis ke atas 40 orang guru. Dalam ujian ini Suseela telah menggunakan koeffisen keboleh percayaan pembahagian separuh (split-half reliability coefficient). Nilai koeffisen pembahagian separuh yang diperolehi ialah 0.91. Keputusan ini menunjukan bahawa instrumen ini dianggap mempunyai ketekalan nilai dan boleh digunakan untuk mengukur tahap dan punca tekanan guru.

Cara pemarkatan bagi setiap item yang ditandakan oleh responden akan dibuat seperti berikut ;

- | | |
|--------------------|------------|
| Tiada tekanan | - 1 markat |
| Sedikit tekanan | - 2 markat |
| Sederhana tertekan | - 3 markat |
| Sangat tertekan | - 4 markat |
| Teramat tertekan | - 5 markat |

Setelah diberikan markat bagi setiap item, markat keseluruhan bagi kesemua item tersebut dijumlahkan dan dibahagikan mengikut kategori tahap tekanan yang telah ditentukan. Penentuan kategori markat tahap tekanan kerja secara keseluruhan mengikut kategori adalah sepeti berikut ;

- | | |
|-----------------------|--|
| a. tiada tekanan | - menerima markat antara 30 hingga 59 |
| b. sedikit tekanan | - menerima markat antara 60 hingga 89 |
| c. sederhana tertekan | - menerima markat antara 90 hingga 150 |

Inventori ini juga digunakan untuk mengenal pasti punca-punca utama yang membawa tekanan dalam kerjaya guru. Ini diperolehi dengan mencari min setiap item untuk mendapatkan susunan kedudukan bagi kesemua item dalam inventori ini.

Bahagian C mengandungi item-item yang merupakan pernyataan-pernyataan yang boleh mengukur kepuasan kerja secara umum. Soal selidik ini telah

dikemukakan oleh Brayfield dan Rothe (1951) yang mempunyai keboleh percayaan 0.77 dan kesahan 0.87. (dalam Koo Kee Peng, 1991).



Soal selidik ini mengandungi 18 item yang berkaitan dengan pernyataan seseorang terhadap pekerjaannya. Responden dikehendaki menandakan tahap persetujuan mereka terhadap pernyataan pekerjaan yang disenaraikan menggunakan skala likert (1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = tidak pasti; 4 = setuju; 5 = sangat setuju).



Cara pemarkatan bagi setiap pernyataan yang ditandakan oleh responden akan adalah seperti berikut :

Sangat tidak setuju	- 1 markat
Tidak setuju	- 2 markat
Tidak pasti	- 3 markat
Setuju	- 4 markat
Sangat setuju	- 5 markat



Setelah diberikan markat kepada setiap pernyataan, markat keseluruhan bagi kesemua pernyataan itu dijumlahkan. Jumlah markat yang diperolehi adalah antara 18 hingga 90. Markat 54 adalah titik berkecuali atau tidak pasti, maka pembahagian markat bagi kategori tahap kepuasan kerja dibuat seperti berikut ;

- a. tahap kepuasan kerja rendah - menerima markat antara 18 – 53

- b. tahap kepuasan kerja tinggi - menerima markat antara 54 - 90

Bahagian D mengandungi soalan yang bertujuan untuk melihat komitmen guru terhadap kerjaya guru. Soalan ini memerlukan responden menjawab sama ada ‘ya’ atau ‘tidak’.

3.4 Prosedur kajian

Setelah kebenaran untuk menjalankan penyelidikan diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri, borang soal selidik diedarkan kepada sekolah yang terpilih. Pengkaji mengedarkan sendiri borang soal selidik tersebut dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak pengetua dan guru kanan sekolah. Guru-guru diberi tempoh seminggu untuk mengisi borang tersebut.

3.5 Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisa menggunakan program ‘statistical package for the social sciences’ atau SPSS. Analisa latar belakang sampel dibuat dengan menggunakan pengiraan bilangan dan peratusan. Pengiraan bilangan dan peratusan juga digunakan untuk mengenalpasti tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja dan tahap komitmen guru. Pengiraan min dan sisihan lazim digunakan untuk mengenalpasti punca utama yang membawa tekanan kepada guru.

Ujian t akan digunakan untuk menguji perbezaan tanggapan tahap tekanan kerjaya, tahap kepuasan kerjaya dan komitmen terhadap kerjaya guru dengan sub kumpulan jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.